

WAYANG KULIT PURWO DI BATU PAHAT:
PEREDARAAN ZAMAN MENENTUKAN BUDAYA RAKYAT.

OLEH
SALEHHUDDIN BIN HJ MD SALLEH
85867726

DIPLOMA SENI MUZIK
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1989

KAN DUNGAN

		HALAMAN:
SINOPSIS.....		i
PENGHARGAAN.....		ii
PENDAHULUAN.....		iii iv
BAB I	<u>PENGENALAN.</u>	
	Permasalahan.....	1 - 4
1.22	Tujuan Penyelidikan.....	5
	Kaedah Penyelidikan.....	5
1.44	Skop Penyelidikan.....	5
	Justifikasi.....	6
BAB II	<u>SEJARAH.</u>	
	Ringkasan Sejarah Batu Pahat.....	7 - 8
2.2	Kampung Parit Puasa.....	8
2.33	Interaksi Sosial Penduduk.....	9
BAB III	<u>SENI TEATER WAYANG KULIT PURWO DI BATU PAHAT.</u>	
	Aspek Persejaraan.....	10 11
	Aspek Persembahan.....	12 18
	Dalang dan Kesenianya.....	19 - 21
3.4	Titilaras Gamelan Jawa dan Pengertian serta Penggunaan Pathet.....	22 29
	Peranan Lagu.....	33
	Cerita-cerita dan Watak-wataknya.....	34 - 43

Sinopsis.

Kajian Tesis adalah difokuskan kepada persembahan seni teater tradisional Wayang Kulit Purwo di Kampung Parit Puasa, Parit Sulong, Batu Pahat, Johor. Sudah agak sekian lama seni teater ini wujud di kampung ini. Tetapi ia kurang diketengahkan berbanding dengan kesenian lain. Melalui proses evolusi keaslian seni teater ini telah menjadi tanda tanya terhadap perkembangannya yang mengalami berbagai-bagai perubahan. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan inilah yang menjadi perkara asas kajian Tesis ini bersesuaian dengan tajuk kecilnya Feredaran Zaman Menentukan Budaya Rakyat. ✓

Di awal penulisan, penerangan adalah berkisar permainan Wayang Kulit di Malaysia pandangan oleh budayawan-budayawan negara terhadap peranan seni teater ini pada media massa dan juga sumbangannya pada negara. Kemudian penumpuan dibuat terhadap seni teater Wayang Kulit Purwo di kampung Parit Puasa. Ciri-ciri penting dalam proses evolusi dan asimilasi, aspek-aspek teknikal, aspek-aspek persembahan dan peralatan muzik adalah merupakan bahan-bahan kajian kes Tesis ini. Peralatan muziknya yang unik diberi penekanan penuh. Ini termasuklah peranan lagu-lagu, titilarasnya dan alat-alat muziknya yang terdiri daripada "Ensemble" Gamelan Jawa yang diperbuat daripada besi.

Di akhir penulisan adalah merupakan konklusi terdiri daripada komen-komen, saranan serta pendapat bagi memelihara dan menarik minat masyarakat umum terhadap seni teater ini.

PENGHARGAAN.

Dengan nama ALLAH yang amat pemurah lagi mengasihani, saya bersyukur kehadiran ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia serta keizinanNya yang memberikan ilham kepada saya untuk menyiapkan sebuah Tesis yang berjudul Wayang Kulit Purwo di Batu Pahat : Peredaran Zaman Menentukan Budaya Rakyat.

Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak-terhingga kepada kedua-dua Ibu dan Ayah saya yang bersama-sama memberi galakkan dan sokongan penuh dalam menjayakan Tesis ini. Tidak ketinggalan juga terima kasih saya kepada Ketua Kursus Jabatan Seni Muzik En. Ndzri B. Ahmad selaku Penasihat Tesis saya yang telah memberikan banyak idea-idea serta bimbingan yang sangat-sangat diperlukan. Begitu juga ribuan terima kasih kepada En. Nik Mustapha dari Kompleks Budaya Negara kerana dengan keikhlasan hati yang banyak menyumbangkan bahan-bahan bacaan dan kertaskerja-kertaskerja untuk saya jadikan panduan dan rujukkan.

Kepada Pak Margono B. Sittir tokoh Dalang dan pembuat alat muzik Gamelan Besi dari Kampung Parit Pusa ParitSulong, Batu Pahat, Johor Darul Takzim, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana kerjasama yang ditunjukkan oleh beliau serta sumbangan yang besar terhadap Informasi-informasi demi untuk meneguhkan intipati-intipati bagi bahan pengkajian Tesis ini. Sebagai pencinta seni, saya amat menyanjunggi perjuangan beliau terhadap seni teater ini.

Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada semua pihak dan orang perseorangan yang dengan tidak secara langsung melibatkan diri dalam menghasilkan Tesis saya ini. Sekian.

Wassalam.

PENDAHULUAN.

Wayang kulit adalah merupakan Teater Tradisional yang berasaskan kepada prinsip cahaya dan bayang-bayang. Ia juga boleh di anggap se bagai teater yang bersifat Universal dan ia boleh didapati dikeban- yakkan negeri-negeri di Malaysia dan negara-negara di Rantau Asia Tenggara. Teater Tradisional ini pernah menempuh zaman kegemilangan nya pada suatu masa dahulu tetapi setelah zaman berlalu sehinggalah kemasa kini, seni teater ini mula menghadapi masa depan yang agak gelap. Berbagai masalah telah pun dikenal pasti akan sebab-sebab atau pun punca-punca kemerosotan seni tradisional ini. Hampir segala aspek yang berhubung dengan wayang kulit tidak dikaji secara terpe- rinci atau pun diberi perhatian dengan serius oleh pihak-pihak ter- tentu. Pengenalan seni teater ini kepada umum dan kalangan generasi generasi muda di pusat-pusat pendidikan sangat berkurangan dan ter- lalu am. Kemungkinan faktor komunikasi mempengaruhi masalah ini.

Tanggapan pengalaman kuno terhadap seni melahir sikap negatif. Anggapan-anggapan ini hendaklah di atasi apatah lagi ternyata bahawa simbol dan bahasa yang bersendirian dalam komunikasi sesuatu jenis seni dapat memperlihatkan bagaimana sesuatu tradisi mistik memiliki potensi besar sebagai penghantar. Kenyataan saudara Ismail Zain dalam kertas kerjanya Masa depan tradisi-di khususkan kepada pengalaman kuno di Malaysia perlu diberi sokongan penuh.

Imam Syafie (767-819m) pernah menyatakan sesuatu dalam syairnya berbunyi;

"Aku melihat wayang kulit adalah ibarat yang amat besar bagi orang-orang yang telah tinggi ilmu hakikat, dimana patung-patung dan bayang-bayang melintas (pada kelir) kemudian menghilang, semuanya binasa yang kekal hanya dalang."

Kita sebagai umat Islam tentu sekali boleh membayangkan apakah se benar maksud yang hendak disampaikan oleh Imam Syafie itu.